



**KEINDAHAN SEBAGAI JALAN MENUJU TUHAN: ANALISIS
FALSAFAH SENI ISLAM BERDASARKAN PEMIKIRAN ISMAIL
RAJI AL-FARUQI**

***BEAUTY AS A PATH TO GOD: AN ANALYSIS OF THE
PHILOSOPHY OF ISLAMIC ART BASED ON THE THOUGHT OF
ISMAIL RAJI AL-FARUQI***

Mohamad Azizie Nordin¹, Saiful Akram Che Cob¹

Fakulti Pengurusan dan Informatik, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
Faculty Art and Design, Universiti Teknologi Mara (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Artikel ini meneliti pemikiran Ismail Raji al-Faruqi yang tajam, jelas, dan tegas dalam menghuraikan falsafah seni Islam yang berteraskan perpaduan antara keindahan dan nilai spiritual sebagai medium untuk mendekatkan diri kepada Tuhan. Berbeza dengan pendekatan seni moden yang cenderung kepada ekspresi subjektif dan estetika formalistik, Faruqi menegaskan bahawa seni dalam tradisi Islam merupakan cerminan dimensi transenden serta tatanan visual yang berpaksikan nilai ketuhanan, yang berperanan menyucikan jiwa dan memperkukuh makna kehidupan. Objektif kajian ini adalah untuk menelusuri konsep seni Islam menurut Faruqi dari aspek metafizik, etika dan spiritual yang membentuk asas pemikiran estetik beliau, serta menilai bagaimana gagasan tersebut membina pandangan alam Islam yang menyepadukan akal, rasa, dan iman dalam konteks semasa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis wacana terhadap syarahan, penulisan dan tafsiran Fahrudin Faiz bagi memahami bagaimana seni diposisikan sebagai jalan kerohanian dan manifestasi tauhid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa falsafah seni Islam menurut Faruqi membentuk kerangka metafizik yang holistik dan fungsional, di mana keindahan tidak hanya bersifat estetika, tetapi menjadi jendela kontemplatif menuju makrifat dan pengabdian kepada Ilahi. Signifikan kajian ini terletak pada sumbangannya dalam memperkukuh kefahaman hubungan antara seni, falsafah dan spiritualiti Islam serta memperluas asas teori seni Islam yang bersifat integratif dan transformatif.

Keywords: Falsafah seni Islam, Faruqi, keindahan, tauhid, makna spiritual seni

Perkembangan Artikel

Diterima: 30 September 2025

Disemak: 19 Oktober 2025

Diterbit: 31 Oktober 2025

***Corresponding Author:**

Mohamad Azizie Nordin, Fakulti
Pengurusan dan Informatik
Universiti Islam Pahang Sultan
Ahmad Shah

[Email:azizie@unipsas.edu.my](mailto:azizie@unipsas.edu.my)

This article explores the sharp, lucid, and uncompromising thought of Fahrudin Faiz regarding the philosophy of Islamic art, which harmonizes beauty and spirituality as a means of drawing closer to the Divine. In contrast to modern art's tendency towards subjective expression and formalistic aesthetics, Fahrudin Faiz emphasizes that art within the Islamic tradition reflects a transcendent dimension and a visual order grounded in divine values—culminating in the soul's journey within the theatre of life. At the same time, this article seeks to broaden the reader's intellectual horizon by engaging with the core ideas and nuanced insights of other major thinkers such as Ismail Raji al-Faruqi, Seyyed Hossein Nasr, Muhammad Iqbal, and Hazrat Inayat Khan. This study adopts a qualitative approach through discourse analysis of Faiz's lectures, writings, and interpretations, to understand how art is positioned as a spiritual path and a manifestation of tawhid (Divine Unity). The findings reveal that the philosophy of Islamic art, as articulated by Fahrudin Faiz, presents a metaphysical framework that unites reason, emotion, and faith—thus shaping a holistic and functional Islamic worldview of art rooted in axiology. Beauty, in this view, is not merely aesthetic but serves as a contemplative window and vehicle toward gnosis (ma'rifah) and devotion to the Divine.

Keywords: Islamic art philosophy, Fahrudin Faiz, beauty, tawhid, spiritual meaning of art

PENDAHULUAN

Dalam konteks pemikiran Islam, konsep keindahan (al-jamal) merupakan suatu tatanan dimensi metafizik yang mencerminkan kesempurnaan Ilahi. Ia tidak hanya bersifat visual atau emosional, tetapi berkait rapat dengan nilai ketuhanan dan spiritual yang terzahir melalui ciptaan, akhlak, dan ibadah manusia. Dengan memahami keindahan sebagai pancaran daripada sifat Ilahi, seseorang dapat menelusuri hubungan antara estetika, moral, dan spiritual dalam kehidupan manusia. Keindahan dalam Islam bukan sekadar pengalaman deria, tetapi merupakan jalan penghayatan terhadap keagungan dan kebesaran Tuhan.


“Sesungguhnya, Allah itu, Maha Indah, dan menyukai keindahan” (HR Muslim)

Hadis ini meletakkan keindahan (*jamal*) sebagai sifat ilahiah, bererti segala yang mengandung keindahan dalam ciptaan, akhlak seni, mahupun ibadah adalah pantulan dari sifat Allah itu sendiri. Allah, *Al-Jamil*, Sang Maha Indah adalah sumber dari segala keindahan. Jika ditilik selintas, kita sering disindir oleh Al-Quran “*afalamtakunu ta’qiluna*” (maka apakah kamu tidak memikirkan?) QS Yasin [36]: 62. Lalu dalam ayat lainnya “*afalatafakkaru*” (maka apakah kamu tidak fikirkan) AS Al-Anam [6]: 50. Al-Quran juga sering menyebut *ulil-albab* (yang berakal) dan *uli abshar* (yang berpengetahuan)

Bila membicarakan keindahan, sudah pasti gaungnya cukup membahana, yang pada dasarnya keindahan adalah suatu ‘pengalaman’ yang ringan dalam panggung kehidupan, manakala estetika pula adalah suatu spektrum ‘pemahaman’ dan seni pula adalah kepingan- kepingan suatu ‘perwujudan’. Keindahan adalah sebuah rasa dalam hati, estetika adalah suatu fikiran yang memahami rasa itu, dan seni adalah bentuk nyata yang menghadirkan rasa itu masuk ke dalam dunia universal. Secara

sederhana, keindahan pada dasarnya adalah yang kita rasakan, estetik pula adalah kita fikirkan dan seni pula jika ditelusuri ialah kita ciptakan.

Jika ditilik selintas, dalam falsafah klasik terdapat tiga nilai utama, yang menjadi jalanan hidup manusia di muka bumi, yakni kebenaran (truth), kebaikan (goodness), dan keindahan (beauty). Dengan itu, keindahan ini jika dikupaskan “inti-inti” dan “bumbu-bumbu” dalam ranah kehidupan, ia tidak terlepas dari falsafah atau dalam Indonesia dikenali sebagai falsafah atau hakikat ilmu, iaitu ontologi, epistemologi dan aksiologi. Dalam masa yang sama, ada juga membuat empat ditambah dengan logika. Aksiologi ini terbahagi kepada dua, yakni etika dan estetika. Secara umum, jika dilihat hitam putih, manusia akan digeluti tiga nilai seperti, kebenaran, kebaikan dan keindahan.



Rajah 1: Keindahan sebagai Nilai Falsafah dan Pengalaman Insani

KAJIAN LITERATUR

Pemikiran Al-Faruqi dalam Konteks Seni Islam

Ismail Raji al-Faruqi merupakan salah satu pelopor sarjana Islam yang cukup masyhur dalam bidang kontemporari yang menegaskan bahawa seni dalam Islam bukan sekadar ekspresi tatanan estetika dan simbolis, tetapi manifestasi tauhid dan keesaan Ilahi. Dalam pandangan beliau, setiap bentuk seni harus berpaksikan kepada nilai-nilai ketuhanan yang menghubungkan manusia dengan realiti transenden. Al-Faruqi melihat seni sebagai medium ontologi, epistemologi dan aksiologi yang mempertemukan akal, rasa, dan iman yang berkait dengan alam dan menyajikan sebuah ‘substansi’ berupaya untuk memahami sebuah alam yang terdapat di dalam alam semesta. Beliau menolak dualisme antara seni dan agama, sebaliknya menegaskan bahawa segala bentuk keindahan adalah pantulan daripada hakikat ketuhanan. Pemikirannya ini sekaligus menolak idea seni moden Barat yang terlalu menekankan kebebasan

ekspresi dan subjektiviti estetika tanpa akar spiritual.

Konsep Keindahan (al-Jamal) dalam Tradisi Islam

Dalam tradisi Islam, keindahan (al-jamal) difahami sebagai sifat Ilahi yang wujud dalam ciptaan, akhlak, dan ibadah manusia. Keindahan bukan hanya aspek visual atau emosi, tetapi merupakan sebuah eksistensi dimensi ketuhanan yang mencerminkan kesempurnaan Tuhan. Hadis Nabi Muhammad SAW, “Sesungguhnya Allah itu Maha Indah dan menyukai keindahan” (HR Muslim), menjadi asas bagi pemahaman bahawa segala bentuk keindahan adalah manifestasi daripada sifat Allah, al-Jamil. Oleh itu, keindahan dalam seni Islam tidak terpisah daripada nilai spiritual dan moral, malah menjadi jalan untuk mengenal Tuhan melalui pengalaman estetika yang berpaksikan tauhid.

Aksiologi dan Metafizik dalam Seni Islam

Aksiologi, sebagai cabang falsafah yang membicarakan nilai, memainkan peranan penting dalam memahami seni Islam. Dalam konteks ini, seni bukan sahaja dinilai berdasarkan aspek estetika, tetapi juga dari segi nilai rohani dan moral yang dikandungnya serta manfaat yang didapati dalam seni tersebut. Seni Islam menggabungkan antara bentuk (*form*) dan makna (*meaning*) dalam rangka metafizik yang menegaskan kesatuan wujud (*wahdat al-wujud*). Metafizik seni Islam memberi ruang kepada manusia untuk merenung hakikat penciptaan, manakala aksiologi memberi pedoman terhadap tujuan seni sebagai sarana ibadah dan refleksi spiritual. Maka, seni Islam bukan sahaja memenuhi fungsi estetika, tetapi juga berperanan sebagai wahana tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa) dan pengabdian kepada Ilahi.

OBJEKTIF

1. Menganalisis pemikiran Ismail Raji al-Faruqi tentang falsafah seni Islam yang menekankan dimensi transenden, nilai ketuhanan, dan manifestasi tauhid.
2. Meneliti secara mendalam tafsiran Fahrudin Faiz mengenai seni sebagai jalan rohani dan medium kontemplatif yang membawa manusia kepada kesedaran diri, ketundukan kepada Ilahi, serta penghayatan makna hakiki dalam pengalaman estetik berasaskan kerangka falsafah Islam.
3. Menghuraikan secara sistematik kerangka metafizik dan aksiologi seni Islam yang menyatukan fungsi akal, kehalusan rasa, dan kekuatan iman sebagai asas pembentukan pandangan dunia (worldview) Islam yang holistik dalam memahami keindahan dan nilai seni.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif berasaskan analisis teks dan wacana falsafah. Data utama diperoleh daripada karya-karya Ismail Raji al-Faruqi yang membincangkan falsafah seni Islam, khususnya tulisan beliau yang menekankan hubungan antara seni, tauhid, dan nilai transendental. Di samping itu, kajian turut menggunakan sumber sekunder seperti buku, artikel jurnal, dan literatur akademik yang relevan untuk menyokong dan memperkukuh analisis.

Bagi menganalisis data, kajian ini menggabungkan analisis wacana kritis, hermeneutik, dan epistemologi estetik bagi meneliti pemikiran al-Faruqi tentang seni Islam sebagai jalan rohani menuju Tuhan. Skop perbincangan difokuskan kepada pemahaman falsafah seni Islam menurut al-Faruqi serta kaitannya dengan wacana estetik kontemporari. Untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan, kajian menggunakan triangulasi sumber, mengekalkan konsistensi interpretasi dengan kerangka falsafah Islam, serta mengamalkan refleksiviti penyelidik dalam menilai konteks epistemologi dan budaya semasa.

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif berbentuk kepustakaan dengan meneliti karya-karya utama Ismail Raji al-Faruqi yang masyhur berkaitan dengan seni, estetika, dan pemikiran Islam. Sumber utama yang dijadikan rujukan ialah karya Islamization of Knowledge (1982), Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life (1982), serta The Cultural Atlas of Islam (1986), yang ditulis bersama isterinya, Lois Lamya al-Faruqi. Ketiga-tiga karya ini dijadikan asas dalam memahami gagasan tauhid sebagai prinsip teras seni Islam, termasuk dalam konteks keindahan (al-jamal), nilai aksiologi, dan dimensi metafizik dalam seni. Pendekatan analisis tematik digunakan bagi mengenal pasti konsep-konsep utama yang membentuk epistemologi seni Islam menurut al-Faruqi, serta hubungannya dengan pandangan pemikir sezaman seperti Seyyed Hossein Nasr, Muhammad Iqbal, dan Hazrat Inayat Khan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Pemikiran Al-Faruqi dalam Falsafah Estetika Seni Islam

“Di dalam hidup kita perlu benar, baik dan indah. Benar saja tidak cukup harus disertai dengan baik dan kemudian disertakan dengan keindahan”

Jika dipersudutkan dalam pandangan sosok Al-Faruqi, Nasr, Iqbal dan Inayat Khan melalui sang pahlawan akal ini, masing-masing mempunyai pandangan tersendiri dalam falsafah seni Islam. Justeru, jika ditilik melalui Al-Faruqi ia amat menekankan seni ini sebagai satu ‘ekspresi tauhid’ dalam ranah budaya. Sosok Nasr dengan kedalaman metafiziknya, mengingatkan kita pada estetika dan seni sebagai manifestasi ilahiah di alam semesta. Bagi, Iqbal pula, yang merupakan sang penyair filsuf, melukiskan keindahan sebagai kekuatan kreatif dalam diri insan kamil. Sedangkan Inayat Khan, dengan spiritual muziknya, memperlihatkan bagaimana suara dan harmoni boleh menjadi ‘kendaraan’ menuju Tuhan. Masing-masing pemikir ini menyoroti pentingnya seni sebagai jambatan antara manusia dan ilahi, mengajak kita untuk merenungkan makna lebih dalam dari setiap karya seni yang diciptakan (Zeng, 2023).

I. Agama dan Keindahan

“Seni yang hakikatnya membawa manusia mendekat kepada Tuhan itulah yang dapat disebut sebagai seni Islam.”

Sering dipertengkarkan, diperdebatkan, dan dipolemik apakah ada hubungan dengan agama dengan

estetika? Kenapa agama ada? Kenapa Allah memberi agama? Bila kita cermati dengan saksama, ini merupakan persoalan yang mendasar kerana berhubungan estetika dan metafizik. Justeru, untuk menjawab persoalan ini pertama-tama hendaklah kita cermati, kenapa Allah beri agama kita di dunia ini, adalah disebabkan agama merupakan petunjuk daripada Allah. Manusia akan menjadi lebih baik dan sentiasa membuat kebaikan di dunia. Untuk mendapat hidup yang lebih baik, kita harus mengaturnya. Apa yang diatur sebenarnya, adalah hubungan sesama Tuhan, sesama manusia dan alam. Hubungan yang diperkatakan ini, pada dasarnya juga adalah pembahasan dalam falsafah etika. Misalnya, ketika kita tidak berpakaian untuk pergi membeli-belah di pasar raya. Manusia akan melirik tentang kita, kenapa dia tidak berpakaian. Ini akan menyebabkan kita tidak akan merasa enak, dan nyaman. Ini juga merupakan persoalan rasa yang termasuk dalam estetika, seperti mana yang dikatakan oleh sosok Martin Suryajaya, estetika itu adalah ‘cerapan inderawi’ melalui penglihatan, pendengaran, dan perasaan. Jadi, point utama di sini adalah, perasaan kita sekaligus kebaikan juga akan diiringi dalam pembahasan estetika ini. Alhasil, dapatlah kita cermati secara sederhana, ‘akar-akar’ dan ‘ranting-ranting’ estetika itu adalah cerapan inderawi, yang diikuti oleh kebaikan (goodness), kebenaran (truth), dan keindahan (beauty) (Braiterman, 2004).

II. Estetika dalam World-View of Tauhid

Faruqi menggunakan istilah tauhid kerana ia adalah ‘poros’, nadi dan menjadi jantung dalam world view. Pandangan seorang Muslim terhadap Tauhid bukan sekadar mengucapkan “Mengesakan Allah”. Atas dasar itu, pertama-tama hendaklah kita cermati dahulu apa erti Tauhid. Secara akar etimologinya, perkataan Tauhid ini berasal dari ‘wahhada’, ‘yuwahiddu’, dan ‘tauhidah’. Dengan pendekatan Tauhid, ia akan memberikan kesan implikasi yang cukup besar dalam nuans kehidupan seharian. Secara ringkasnya, di sini pemikiran Al-Faruqi akan terbahagi kepada enam (6) bab yang utama dalam bentuk tauhid. Perincian di dalam artikel ini boleh dicermati seperti berikut:

Implikasi Dualisme Ketuhanan: Antara Khaliq dan Makhhluk

Jika ditelusuri melalui kacamata dalam ranah kehidupan dua variabel, yakni Khaliq (pencipta), makhhluk (yang diciptakan). Ironisnya, duit, pasangan, tidak ada yang boleh melebihi sang pencipta (Khaliq). Fenomena ini merupakan bentuk penyimpangan dari prinsip tauhid, di mana hanya Tuhan yang selayaknya dijadikan poros tertinggi dalam struktur kehidupan dan nilai (Yang, 2022).

Implikasi Ritual dalam Kerangka Tauhid

Implikasi kedua ini merujuk kepada dimensi ritual atau ibadah dalam kehidupan beragama. Secara asasnya, ibadah dapat difahami sebagai bentuk ketaatan yang mencakupi pelaksanaan segala perintah Allah serta menjauhi segala larangan-Nya. Dalam kerangka ini, ibadah tidak hanya terbatas kepada amalan fizikal seperti solat, puasa, dan zakat, tetapi juga mencerminkan kepatuhan spiritual yang berakar dari kesedaran tauhid dan penyerahan total kepada Khaliq. Maka, ritual bukan semata-mata tindakan lahiriah, tetapi suatu bentuk penyucian jiwa dan pengukuhan hubungan antara makhhluk dan Tuhan dalam struktur kehidupan yang menyeluru (Makhova, 2022).

Implikasi Intelektual terhadap Penguatan Tauhid

Implikasi ini akan semakin berkualiti jika kita semakin pintar dan ilmu kita bertambah. Kalau ingin tauhidmu lebih bagus, tambahlah ilmu terus, jangan pernah bosan-bosan seperti mana ada satu ungkapan “belajarlah sampai ke negeri Cina”. Semakin dia mendalami ilmu agama, kalam Allah semakin dia mendekatkan diri kepada Allah. Nurcholish Majid menggunakan teori dalam Al-QuRran disebut *taskhir* bentuk *masdar* dari *sakh-khara*, bahawa alam semesta ini sebenarnya ditunjukkan oleh Allah untuk manusia. Dengan demikian, pemahaman yang mendalam tentang tauhid dan ilmu pengetahuan akan membawa individu lebih dekat kepada Allah, memperkuat ikatan spiritual dan meningkatkan kesadaran akan kehadiran-Nya dalam setiap aspek kehidupan (Canguilhem, 1978).

Implikasi Sosial dalam ranah Kehidupan

Manusia harus berbuat baik sesama sendiri, khususnya dalam alam semesta. Hal ini kerana semakin bagus Tauhid, akan semakin baik terhadap lingkungan dan sesamanya. Kita dengan orang lain itu setara, tiada bandingkan sesama manusia. Jadi, kita tidak perlu memperjuangkan kesetaraan itu, justeru baguskan saja tauhidmu (Munji, 2016).

Implikasi Penyempurnaan dalam Estetik

Seseorang yang bertauid juga akan mempunyai ekspresi estetika dan akan membuat yang terbaik untuk Allah. Sebagai contoh, mazhab Syafie mengatakan bahawa asalkan ada menutup pusat sampai lutut itu sudah sah. Aurat mu sudah tertutup. Tapi rasanya itu tidak pantas ya. Rasanya itu tidak mungkin sopan ya. Kalau solat hanya pakai seluar pendek. Contoh yang lain adalah, Allah menyuruh kita shalawat, "Allahumma sholli ala Muhammad wa ala alihi Muhammad". Itu bagus dah sah. Tetapi untuk bagi yang terbaik kepada Allah, yang estetik adalah lagu dan nadanya (Toth & Elliott, 1988).

III. Enam Karakteristik Seni Islam

Abstrak: Bukan Sekadar Imitasi: Seni Islam tidak meniru alam secara langsung (seperti dalam seni naturalistik), sebaliknya menekankan ekspresi abstrak yang menyingkap dimensi spiritual. Ia menggambarkan realiti batiniah, bukan semata-mata bentuk lahiriah.


Modular: Bersifat Tersusun dan Bersambung: Ciri modular dalam seni Islam merujuk kepada struktur yang dibina daripada elemen-elemen kecil yang berulang dan bersambung. Contohnya, reka bentuk karpet atau jubin yang menggunakan pola geometri atau arabesque secara berterusan tanpa gangguan.

Kombinasi Suksef (Bersinambungan): Unsur seni Islam sering disusun secara berperingkat dan bertingkat. Kombinasi bentuk, warna, dan motif berlaku secara berurutan sehingga menghasilkan kesatuan visual yang harmoni dan tidak terputus.

Pola Pengulangan (Corak Ulangan Tanpa Awal dan Akhir): Pola pengulangan dalam seni Islam seringkali mencipta persepsi tiada permulaan dan pengakhiran. Hal ini melambangkan sifat keabadian dan ketaktherhinggaan Tuhan, serta mengajak pemerhati merenung keabstrakan dan kesatuan ilahi.

Dinamik: Lebih dari Sekadar Fungsi Duniawi: Seni Islam tidak bersifat pasif. Walaupun objek seperti karpet kelihatan hanya berfungsi sebagai alas, pada hakikatnya ia mengandungi motif dan simbol yang mencerminkan nilai estetik dan spiritual. Setiap bentuk dalam seni Islam mempunyai lapisan makna yang mendalam.

Rumit dan Simbolik: Seni Islam cenderung rumit dan sukar difahami secara langsung kerana sarat dengan simbol dan makna tersirat. Kehalusan reka bentuknya bukan sahaja untuk keindahan, tetapi juga untuk menyampaikan mesej metafizik dan ketuhanan.




Rajah 2: Elemen-Elemen Utama dalam Seni Islam

III. Seni Kaligrafi

Menurut al-Faruqi (1985), seni kaligrafi adalah manifestasi keesaan Tuhan (tauhid) dalam bentuk yang tidak berimej, sekaligus menolak unsur antropomorfisme dan menegaskan prinsip ketaktherbandingan Tuhan. Kaligrafi menghubungkan antara akal, seni dan wahyu, menjadikannya medium ideal untuk menzahirkan nilai-nilai spiritual Islam secara simbolik dan estetik.

Dalam pengamatan Faruqi, keunikan seni kaligrafi Islam bukan terletak pada kerumitan

teknikalnya semata-mata, tetapi pada kedalaman makna dan kesucian sumbernya. Hal ini menjadikan kaligrafi sebagai bentuk seni yang bukan hanya berkebudayaan, tetapi juga berketuhanan, kerana ia lahir daripada dan ditujukan untuk menyucikan wahyu Ilahi.



Rajah 3: Lima Model Kaligrafi menurut Al-Faruqi

Tradisional

Al-Quran yang standard yang and baca adalah model kaligrafi tradisional. Pada awal mula kemunculannya Al-Quran dengan model khat kufi. Tapi pada masa sekarang, Al-Quran kebanyakan ditulis dengan model khat naskhi.

Figural

Kaligrafi ini ada boleh anda lihat pada Al-Quran yang margin halamannya ada ornamen-ornamen tertentu seperti lukisan. Ornamen-ornamen ini biasa dijumpai di tepi sejadah. Ornamen ini dikenali sebagai kaligrafi figural

Ekspresionis

Pada level ini kita harus berhati-hati sebab yang didahulukan adalah rasa si pembuat kaligrafi. Menurut Faruqi, kaligrafi ini kadang-kadang huruf *lam* atau *ba* dibuat memanjang kerana penulisnya ingin

mengekspresi sesuatu. Kemudian *syin* dibuat menghilang dan *mim* dibuat dengan bentuk bulat yang besar.



Rajah 4: Kaligrafi berbentuk manusia sedang solat

Simbolik

Kaligrafi ini ditulis dengan makna tersendiri. Misalnya, kaligrafi yang dibuat oleh Raden Mas Panji Sosrokartono (1877-1952). Beliau membuat kaligrafi *alif*, dengan penjelasan makna-makna tertentu yang lebih detail hanya dari satu huruf.

Abstrak Murni

Kaligrafi seperti ini kadang-kadang sudah tidak boleh dimengerti atau sudah bukan Al-Quran lagi. Mungkin anda melihat artis yang memakai baju bertuliskan kaligrafi, tetapi tidak ada sudah hubungannya.



Rajah 5: Ornamen Masjid Shah Cheragh di Iran

Sumber: <https://travel.detik.com/international-destination/d-5343774/iran-punya-masjid-yang-indah-dan-menawan-bak-galeri-seni>


IV. Ornamentasi

Ornamentasi banyak dijelaskan sehubungan dengan enam karaktersitik seni Islam. Ornamentasi ini termasuk dalam seni arsitektur, tata ruang dan macam-macam lagi. Dalam konteks seni Islam, ornamentasi merangkumi pelbagai bentuk seperti pola geometri, arabesque (motif tumbuhan yang berulang), dan kaligrafi, yang semuanya disusun dengan penuh ketelitian dan harmoni. Keindahannya tidak hanya pada visual, tetapi pada simbolisme yang menyatu dengan konsep kerohanian dan kosmologi Islam.

Dengan itu, ornamentasi dalam seni Islam tidak boleh dianggap sekadar unsur hiasan semata, sebaliknya ia adalah sebahagian daripada pendekatan estetik spiritual yang menyatukan seni, iman, dan akal dalam satu kesatuan yang tidak terpisah.

Ornamentasi ini menjadi 4 bahagian iaitu;

- Ornamentasi Islam yang pertama mengingatkan pada Tauhid
- Transfigurasi (bahan dari semula barang biasa menjadi berguna)
- Mengalihkan perhatian dari hal-hal duniawi ke makna yang lebih tinggi
- Indah dan kaya



Rajah 6: Ornamentasi Islam dalam Keindahan dan Falsafah

KESIMPULAN

Kajian ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan terhadap hubungan antara estetika Islam dan pembangunan spiritual masyarakat moden. Pemikiran al-Faruqi wajar diperluas dalam konteks seni digital dan budaya kontemporari agar gagasan seni Islam terus relevan dengan zaman pascamoden. Seperti yang diungkapkan atau dicoretkan oleh sosok Faruqi mengenai Seni Tauhid, umat Islam memiliki peradaban estetik yang sarat dengan ‘inti-inti’ dan ‘bumbu-bumbu’ keindahan dan luar biasa dalam pelbagai bidang seni. Keindahan Islam yang telah sedia ada seharusnya diekspresikan dan disampaikan dengan cara yang selaras dan indah, agar keindahannya tetap terjaga. Penyampaian yang tidak sesuai dan tidak berestetika boleh merosakkan keindahan mesej Islam itu sendiri.

Seni dalam Islam meliputi pelbagai cabang seperti sastera, penulisan, ukiran, kaligrafi, seni suara, dan seni reka bentuk ruang. Para ulama turut memperhalusi aspek seni ini dalam penyampaian dakwah. Di Indonesia, contohnya, para wali menggunakan bentuk ekspresi seni seperti wayang untuk menarik masyarakat kepada Islam. Meskipun medium yang digunakan adalah seni, kandungannya tetap berteraskan nilai-nilai ketauhidan.

Oleh itu, adalah penting untuk memastikan ekspresi seni Islam sentiasa selaras dengan nilai keindahan yang sejati. Ini kerana Islam sendiri adalah agama yang indah, dan Allah adalah Tuhan Yang Maha Indah serta mencintai keindahan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam penulisan Keindahan sebagai Jalan

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, pandangan, serta dorongan dalam penyempurnaan kajian ini, khususnya dalam memperkukuh perbincangan tentang falsafah seni Islam dan pemikiran Ismail Raji al-Faruqi.

PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Mohamad Azizie Nordin (Idea dan reka bentuk kajian; analisis falsafah; penulisan draf asal; penyuntingan kandungan). Saiful Akram Che Cob (Reka bentuk metodologi; pemilihan data dan sumber rujukan falsafah; pengesahan analisis; penulisan, sokongan akademik dan semakan akhir).

KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong hasil dapatan kajian ini boleh diperoleh atas permintaan daripada penulis koresponden.

PENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan

RUJUKAN

- al-Faruqi, I. R. (1985). *Islamic Art and the Spiritual Values of Islam*. Herndon, VA: International Institute of Islamic Thought.
- Braiterman, Z. (2004). Aesthetics and Judaism, Art and Revelation. *Jewish Studies Quarterly*, 11(4), 366–385. <https://doi.org/10.1628/094457004783500518>
- Canguilhem, G. (1978). *Implications of the Theory* (pp. 54–60). Springer, Dordrecht. https://doi.org/10.1007/978-94-009-9853-7_7
- Makhova, O. A. (2022). *Salafi Ritual Law and Practice* (pp. 121–132). Routledge eBooks. <https://doi.org/10.4324/9781003044659-9>
- Munji, A. (2016). *TAUHID DAN ETIKA LINGKUNGAN: Telaah atas Pemikiran Ibn ‘Arabī*. 25(2), 279–300. <https://doi.org/10.21580/TEO.2014.25.2.398>
- Toth, B., & Elliott, L. (1988). Aesthetic refinements in reconstructive microsurgery. *Annals of Plastic Surgery*, 22(2), 117–125. <https://doi.org/10.1097/0000637-198902000-00006>
- Yang, J. (2022). Dualism, Pre-Islamic Religions. *The Encyclopedia of Ancient History*, 1–4. <https://doi.org/10.1002/9781119399919.eahaa00353>
- Zeng, L. (2023). Seyyed Hossein Nasr. *Oxford Research Encyclopedia of Religion*. <https://doi.org/10.1093/acrefore/9780199340378.013.868>